

PM, isteri mohon ketepi sepina
Bharian Online
September 22, 2011
Oleh Ahmad Johari Mohd Ali

Najib, Rosmah tolak hadir mahkamah jadi saksi kes liwat Anwar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor semalam mengemukakan permohonan mengetepikan sepina untuk hadir memberi keterangan sebagai saksi pembelaan dalam kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Permohonan itu difailkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Jenayah di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur (KMKL) di Jalan Duta, sini melalui barisan empat peguam diketuai Datuk Sallehuddin Saidin bersama peguam Hisyam Teh Poh Teik, Datuk Ghazi Ishak dan M Athimulan. Dalam permohonan itu, Najib dan Rosmah menamakan Anwar dan pihak pendakwa sebagai responden. Sallehuddin enggan mendedahkan alasan permohonan terbabit tetapi memberitahu pemberita ia berdasarkan sepina yang diterima anak guamnya kelmarin.

Beliau yang bertemu Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi selepas memfailkan permohonan itu, berkata semua pihak akan bertemu Hakim Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah hari ini bagi membincangkan tarikh untuk mendengar permohonan berkenaan.

Pada 8 Ogos lalu, Zabidin membenarkan permohonan Anwar untuk menemu bual 15 saksi termasuk Najib dan Rosmah bagi tujuan pembelaan. Najib dan Rosmah hadir di KMKL pada 12 Ogos lalu untuk ditemu bual sebagai saksi berpotensi bagi pihak pembelaan.

Sementara itu, dalam pemeriksaan balas perbicaraan kes liwat itu semalam, pakar DNA Australia Dr Brian Leslie McDonald, berkata Saintis Forensik, Dr Seah Lay Hong tidak melakukan siri ulangan dalam ujian pengasingan DNA yang menyebabkan penemuannya terjejas.

Katanya, potensi untuk mendapatkan pengasingan ideal antara sel sperma dan sel bukan sperma hanya boleh terjadi apabila ujian pengasingan dijalankan beberapa kali supaya hanya sel sperma diperoleh.

Menjawab soalan Peguam Cara Negara II, Datuk Mohamed Yusof Zainal Abiden, sama ada beliau pernah mendapatkan pengasingan ideal dalam ujian dilakukannya, Dr McDonald menjawab: "Saya tidak boleh mengingat secara spesifik."

Dr McDonal berkata, penting bagi Dr Lay Hong melakukan slaid daripada sampel yang diberikan kepadanya sebelum melakukan proses pengasingan dan antaranya bagi memastikan dengan tepat bahagian mana profil DNA diperoleh.

Ditanya Mohamed Yusof mengapa perlu slaid dilakukan sekali lagi sedangkan dalam slaid pertama sel DNA sudah dikenal pasti, saksi itu menjawab: "Ia bagi mendapatkan beberapa interpretasi dalam proses pengasingan."

Apabila Mohamed Yusof menyatakan Dr McDonald dengan sengaja cuba mengelirukan manual Protokol Pengasingan DNA yang dirujuk kepadanya, saksi itu berkata: "Ia hendaklah dilakukan dalam merumuskan secara khusus dari mana DNA itu diperoleh."

Perbicaraan di depan Mohamad Zabidin bersambung hari ini.

Hak Cipta Terpelihara 2011 - Berita Harian Sdn. Bhd.

Source:

http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PM_isterimohonketepisepina/Article